

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL  
GHAPUR BIN HAJI SALLEH  
(KALABAKAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 13.10.2014**

**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH**

**[ KALABAKAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

a. siapakah kontraktor pembekal makanan kepada Syarikat Penerbangan Malaysia MAS dan apakah kaedahnya; dan

b. berapakah kos makanan untuk satu penumpang yang dibekalkan untuk kelas ekonomi, business dan kelas pertama.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pembekalan makanan kepada Malaysian Airline System Bhd (MAS) disediakan oleh Brahim's Airlines Catering Sdn. Bhd. (BAC), iaitu syarikat milik Brahim's Airlines Catering Holdings Sdn Bhd (BACH) dan MAS, dengan pegangan saham masing-masing sebanyak 70% dan 30%. Kontrak pembekalan makanan untuk tempoh 25 tahun ini dilaksanakan melalui *Catering Agreement* yang telah ditandatangani pada 25 September 2003.

Tuan Yang di-Pertua,

Kadar yang dikenakan untuk kos pembekalan makanan kepada penumpang MAS pula adalah berbeza mengikut kelas penerbangan dan hidangan menu yang disediakan. Sebagai contoh, kos pembekalan makanan bagi penumpang penerbangan domestik dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu, Sabah melibatkan satu (1) hidangan menu utama dan kos yang dikenakan adalah sebanyak RM26.65 bagi penumpang kelas perniagaan dan RM7.30 bagi penumpang kelas ekonomi. Manakala bagi

penerbangan antarabangsa dari Kuala Lumpur ke London, ianya melibatkan dua (2) hidangan menu utama dan satu (1) menu sampingan. Kos pembekalan makanan bagi penumpang kelas pertama adalah sebanyak RM470.54, kelas perniagaan sebanyak RM135.22 dan kelas ekonomi sebanyak RM39.42.